

# Mangsa serangan seksual perlu dilindungi

S.H 10/02/09 M/S 14

ASMALIZA MANSOR

**KUALA LUMPUR** - Sejak ditubuhkan pada tahun 1999, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Protect and Save the Children Association of Selangor and Kuala Lumpur (PS The Children) menerima 60 sehingga 100 kes penderaan seksual kanak-kanak setahun.

Presidennya, Datin Paduka Zaiton Othman berkata, PS The Children berfungsi untuk mewujudkan persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak dan membangunkan kesedaran mengenai kepentingan melindungi mereka daripada penderaan seksual.

Menurutnya, NGO itu juga turut melengkapkan setiap kanak-kanak dengan kemahiran keselamatan diri dan mewujudkan mekanisme jaringan sokongan yang efektif untuk mereka serta orang dewasa menangani kes penderaan seksual yang dilaporkan.

"Kami turut menyediakan kaunseling dan perkhidmatan



Zaiton (kanan) dan Penaung PS The Children, Datin Nariza Hajjar Hashim menunjukkan logo baru mereka.

terapeutik untuk kanak-kanak yang terselamat dan keluarganya bagi memastikan mereka mendapat sokongan yang diperlukan untuk pulih serta mencapai potensi diri," katanya.

Beliau berkata, untuk menyokong kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual dan keluarganya melalui proses pemulihan, PS The Children turut menganjurkan kaunseling serta sesi terapi secara individu atau berkumpulan dengan menggunakan teknik terapi permainan.

Zaiton berkata, sejumlah suku daripada sejuta kanak-kanak di Malaysia dipercayai menjadi mangsa penderaan seksual namun hanya

3,000 kes yang dilaporkan kepada polis setahun.

Menurutnya, di pusat kaunseling, mangsa yang diberikan kaunseling untuk gangguan emosi dan penderaan seksual adalah seawal usia enam tahun sehingga 18 tahun.

Katanya, kebiasaannya kanak-kanak akan tenang selepas menjalani sesi pemulihan di PS The Children kerana mereka mempunyai tempat untuk melegakan tekanan dan kemarahan mereka.

Menurutnya, tugas kaunselor untuk merawat kanak-kanak kurang upaya sangat mencabar kerana kanak-ka-

nak pekak misalnya, sukar untuk menggambarkan penderaan yang mereka alami.

Menurut Zaiton, PS The Children juga mengutip dana dan sokongan daripada badan korporat untuk menambahkan lagi perkhidmatannya dan merancang menghasilkan kurikulum keselamatan diri untuk sekolah rendah yang bakal diperkenalkan kepada kanak-kanak Tahun Tiga di enam buah sekolah di sekitar Lembah Klang pada tahun ini.

"Ia akan memperkasakan kanak-kanak dan mengajar mereka mengenal pasti sentuhan yang selamat dan tidak selamat," kata beliau.

## fakta angka

Sejumlah suku daripada sejuta kanak-kanak di Malaysia dipercayai menjadi mangsa penderaan seksual namun hanya

**3,000** kes dilaporkan kepada polis setahun.